

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO**

**TARIKH : 18 OKTOBER 2016**

**RUJUKAN : 9293**

**SOALAN:**

**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sebab pihak polis tidak mendakwa pihak berkenaan yang terlibat dalam kes penyelewengan kewangan yang melibatkan seramai 50 wanita di Klang dan Selangor tetapi kes itu dirujuk kepada tribunal pengguna (No. Repot: SRI MUDA/017711/16). Apakah tindakan Kerajaan untuk membanteras penyelewengan kewangan e-commerce.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan berkaitan Sri Muda Repot: 17711/16 yang dibuat oleh seorang pengadu yang mengalami kerugian berjumlah RM 6,510 akibat daripada sindiket penjualan lampin pakai buang (Pampers). Hasil siasatan yang dijalankan mendapati bayaran telah dibuat kepada sebuah syarikat bernama Adnizsyah Enterprise yang dimiliki oleh seorang individu yang menjadi ejen pembekal lampin secara “online” kepada Syarikat AE Premier Niaga. Selain Syarikat Andizsyah Enterprize, terdapat tiga lagi syarikat yang menjadi ejen kepada Syarikat AE Premier Niaga. Dipercayai melalui 4 ejen ini dan berpuluhan lagi sub ejen yang lain, ramai pembeli telah menjadi mangsa penipuan dalam perniagaan yang dijalankan secara “dropship” (lebih kepada bentuk pelaburan). Pihak polis telah mengklasifikasikan kes ini di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan atas kesalahan menipu dan telah membuka sebanyak 25 kertas siasatan melibatkan 6 buah negeri terhadap Syarikat AE Primier Niaga dan empat lagi syarikat yang menjadi ejennya.**

**Siasatan kes ini masih lagi diteruskan dan kertas siasatan akan dikemukakan kepada pihak Timbalan Pendakwaraya untuk arahan selanjutnya. Dakwaan bahawa pihak polis tidak menjalankan siasatan dan merujuk kes berkenaan kepada Tribunal Pengguna adalah tidak benar.**

Pihak PDRM sentiasa mengambil inisiatif bagi menyedarkan masyarakat tentang risiko pembelian atas talian ini atau apa jenis pelaburan yang diiklankan menerusi laman sosial. Selain tindakan penguatkuasaan yang tegas, usaha untuk memberi kefahaman dan kesedaran kepada masyarakat tentang kes-kes penipuan secara “e-dagang” dilakukan dalam kempen pencegahan jenayah siber menerusi media elektronik, media cetak dan media sosial. Forum-forum secara terbuka juga diadakan kepada agensi-agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO’s), pihak sekolah, pihak perbankan dan lain-lain bagi mendidik masyarakat supaya tidak terpengaruh dengan tawaran harga murah atau ganjaran yang lumayan oleh mana-mana individu atau syarikat-syarikat yang diragui kesahihannya.

Adalah menjadi harapan pihak Kementerian, rakyat sentiasa peka tentang jenayah alaf baharu ini dan sentiasa merujuk kepada pihak-pihak yang berkenaan jika terdapat sebarang keraguan tentang status apa-apa jenis pelaburan yang menawarkan pulangan yang lumayan dan tampil melaporkan kepada pihak polis jika telah menjadi mangsa penipuan supaya tindakan susulan boleh diambil bagi mengelak lebih ramai lagi yang akan menjadi mangsa jenayah kolar putih ini.